

## Terma Dan Syarat Perkhidmatan

Ditulis oleh Pentadbir Emel

Selasa, 08 Disember 2009 15:30 - Terakhir dikemaskini Rabu, 05 Februari 2020 16:26

---

Perkhidmatan e-mel ini disediakan kepada semua warga Perkhidmatan Awam Negeri Perak gred 22 keatas tertakluk kepada [Tatacara Dan Etika Penggunaan Emel Negeri Perak](#) yang merupakan maklumat tambahan kepada [Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam \(PKPA\) Bil. 1/2003 Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet Dan Mel Elektronik Di Agensi-Agensi Kerajaan](#) ; bagi memenuhi keperluan persekitaran khusus bagi pengguna e-mel di Perkhidmatan Awam Negeri Perak dan kedua-duanya hendaklah dirujuk serta dibaca bersama.

Sehubungan dengan itu, semua pengguna adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat perkhidmatan tersebut yang boleh dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa tanpa notis kepada pengguna.

Pengguna akan menerima katalaluan dan akaun setelah membuat permohonan dan disokong oleh Ketua Jabatan/Pejabat/Bahagian masing-masing. Pengguna adalah bertanggungjawab bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan katalaluan atau akaun masing-masing pada setiap masa.

Pengguna perlu memaklumkan segera kepada pentadbir\_emel[a]perak.gov.my sekiranya wujud sebarang kebocoran, penyalahgunaan atau penyamaran katalaluan, atau sebarang pelanggaran keselamatan. Sila pastikan anda "logout" dari akaun pada akhir setiap sesi.

Pengguna mengetahui bahawa pihak Jabatan ada melakukan pemantauan atas e-mel yang melalui sistem e-mel jabatan serta penggunaannya pada setiap masa dan menapis atau menyekat e-mel yang tidak dibenarkan; seperti pornografi, ber-virus dan spam.

Pengguna bersetuju di bawah sebarang keadaan dan tanpa notis Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melalui Bahagian Pengurusan Maklumat berhak menamatkan sebarang akaun dan capaian ke atas sistem e-mel sekiranya berlaku penyalahgunaan dan pelanggaran terma-terma perkhidmatan. Ini bagi menjamin kebolehsediaan pada setiap masa dan kelancaran serta keselamatan sistem e-mel jabatan sentiasa terjamin.

Dengan menggunakan sistem e-mel jabatan ini, bermakna anda telah bersetuju dengan terma-terma perkhidmatan diatas.